

07 MAY 2001

Teras-Pelajar

DAKWAAN PELAJAR BUMIPUTERA TIDAK BERMINAT BELAJAR DI IPTA DISANGKAL

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Teras Pengupayaan Melayu (Teras) menyangkal dakwaan bahawa pelajar Bumiputera tidak berminat dan kurang kelayakan sehingga kuota pelajar Bumiputera tidak dapat dipenuhi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Teras sebaliknya berpendapat kuota itu dapat dipenuhi sekiranya sistem kemasukan ke IPTA berjalan lancar dan pemilihan benar-benar dilakukan berdasarkan kemampuan dan kelayakan akademik pelajar.

Presiden Teras Mohd Azmi Abdul Hamid berkata masalah kemampuan ekonomi di kalangan keluarga calon pelajar bumiputera yang rata-rata berpendapatan rendah dan sederhana didapati sebagai penyebab utama anak-anak bumiputera berkelayakan terpaksa melupakan hasrat menyambung pelajaran mereka.

"Apabila tajaan biasiswa sudah tidak ditawarkan lagi, pelajar-pelajar ini terpaksa memohon pinjaman PTPTN (Perpadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) yang agak membebankan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan mungkin membuka kuota bagi pelajar Bumiputera sebanyak 7,168 tempat yang gagal diisi di IPTA untuk dipenuhi oleh pelajar bukan Bumiputera.

Beliau berkata peningkatan kos belajar dengan mendadak juga merupakan punca kepada kurangnya minat pelajar bumiputera untuk meneruskan pengajian ke IPTA atau institut pengajian tinggi swasta.

"Selain itu kegagalan sesetengah pelajar cemerlang memasuki IPTA turut dipertikai kerana terdapat dakwaan pelajar kurang cemerlang tetapi layak masuk ke IPTA. Jika benar perkara ini berlaku, maka ada perkara yang dicurigai di peringkat jawatankuasa pemilihan pelajar ke IPTA," katanya.

Teras berpendapat pelajar bumiputera harus dibantu dan diberi peluang seluas-luasnya untuk meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi dengan mengekalkan sistem kuota sekarang pada nisbah 55:45.

-- BERNAMA

ZAI HS FAZ